

DARI KAMPUNG AIR KE RUMAH PANGSA: KESAN DISLOKASI KEDIAMAN KE ATAS PERSEKITARAN SOSIAL PENGHUNI PPR TAMAN HARMONI, SANDAKAN, SABAH

FROM WATER VILLAGES TO FLATS: EFFECTS OF INVOLUNTARY RESIDENTIAL DISLOCATION ON THE SOCIAL ENVIRONMENT OF PPR TAMAN HARMONI, SANDAKAN, SABAH

Alauddin Sidal¹
Farah Sasha Rajahdin²
Noorhayati Ismail³

Abstract

Previous studies have shown that involuntary residential dislocation may disrupt neighbourhood safety, reduce social and economic resource availability, and increase stress. However, it may also lead to improving the residential social environment, which positively correlated with residents satisfaction especially among those who originally resided in poor neighborhoods. Therefore, involuntary residential dislocation raise the issue of whether it is possible to bring positive social consequences. This study demonstrated the relationship between involuntary dislocation of residents and its positive impacts on the social environment. Using objective attributes and subjective attributes analyses, findings from this study indicated that involuntary residential displacement among lower-income residents is associated with significant improvements in neighbourhood safety, diseases control and cleanliness practices which have resulted in greater residential satisfaction.

Keywords: involuntary residential dislocation; neighbourhood safety; diseases control; cleanliness practices

Pengenalan

Dislokasi kediaman (*residential dislocation*) berlaku ke atas isi rumah yang terpaksa meninggalkan penempatan asal mereka ke kediaman baharu kerana sebab-sebab tertentu yang di luar kawalan mereka dan berikutan isu-isu yang berkaitan dengan komuniti dan persekitaran asal mereka (Grier & Grier 1978). Kajian-kajian lalu banyak menyentuh kesan dislokasi kediaman ke atas keselamatan, perumahan, pengangkutan, kemudahan dan perkhidmatan serta kegunaan tanah (Daroudi, et al., 2017). Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan dislokasi kediaman ke atas

persekitaran sosial penghuni berpendapatan rendah daripada penempatan setinggan kampung air kepada kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sandakan, Sabah.

Dislokasi Kediaman dan Kesannya

Satu daripada kesan dislokasi kediaman yang menjadi tumpuan pengkaji lepas ialah ke atas aspek keselamatan. Rata-rata penghuni mahu tinggal dalam komuniti kejiranan yang aman dan tenteram. Mereka ingin membesarkan anak-anak dalam persekitaran yang selamat. Duncan et al. (1994) menyatakan bahawa membesar dalam kejiranan yang tidak selamat meninggalkan impak negatif kepada pembesaran remaja.

Perkaitan antara kediaman yang kurang selamat dan kejadian jenayah telah diperlihatkan misalnya oleh Sampson & Fowler (1997). Dislokasi kediaman dikatakan telah menimbulkan kesan negatif kerana ia mengurangkan rasa kepunyaan dan sentimen terhadap komuniti lokal, melonggarkan kawalan sosial dan mewujudkan kerenggangan sosial (Atkinson, 2004; Davidson, 2009; Daroudi et al., 2008).

Keadaan kediaman sementara yang serba kekurangan didapati menyumbang kepada jangkitan penyakit dan *tuberculosis*. Kediaman sementara yang kurang sempurna seperti yang didiami oleh komuniti yang dipindahkan biasanya kekurangan air bersih untuk minuman dan membasuh pakaian. Seringkali juga sistem pembuangan sampahnya tidak teratur. Penghuni juga sering diganggu oleh haiwan pembawa penyakit seperti tikus, lalat, nyamuk dan serangga lain. Kesemua haiwan dan serangga ini dikenalpasti sebagai unsur-unsur penyebar penyakit berjangkit (Guzman & Bhatia, 2005).

Penemuan oleh Dastrup & Ellen (2016) mendapati penempatan semula ke perumahan awam sebagai lokasi baharu kediaman penghuni telah mengurangkan kadar jenayah. Penghuni yang mendiaminya juga berpeluang meningkatkan pendapatan berbanding mereka yang terus kekal mendiami kejiranan asal yang serba daif.

Kajian lalu juga mendapati dislokasi kediaman membolehkan penduduk mendapatkan perkhidmatan yang sebelumnya tidak dinikmati mereka, misalnya balai polis, balai bomba, klinik, sekolah, kedai runcit, pasar raya, bank, farmasi dan sebagainya (Alwitt & Donley, 1997; Carr & Schuetz, 2001; Helling & Sawicki, 2003; Zenk et al., 2005; Daroudi et al., 2017).

Menerusi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan mahupun swasta ini membolehkan penghuni boleh mendapatkan akses lebih mudah kepada pelbagai perkhidmatan dan memberi impak signifikan bagi memenuhi kehendak penduduk (Mohit et al., 2010). Ellen & O'Regan (2011) dengan itu menyimpulkan keadaan kediaman yang selesa dan dilengkapi kemudahan lebih baik dan dapat meningkatkan tahap kepuasan penghuni.

Dislokasi Kediaman Penghuni dari Kampung Air ke Taman Harmoni

Kajian ini dilakukan ke atas penghuni PPR Taman Harmoni, Sandakan yang ditempatkan di kediaman tersebut daripada perkampungan air. Mereka adalah bekas penduduk perkampungan air di daerah Sandakan yang terlibat dalam Program Penempatan Semula Perkampungan Air dari Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) dalam kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone).

Insiden pencerobohan berdarah pada tahun 2013 oleh pihak luar yang mendakwa diri mereka adalah sebahagian dari tentera Kesultanan Sulu telah menjadi titik hitam yang mengorbankan nyawa pasukan keselamatan dan mengancam keselamatan penduduk. Dengan itu Kerajaan mengambil keputusan untuk merobohkan perkampungan air terlibat dan memindahkan penghuninya ke kawasan penempatan semula.

Penempatan di atas air sudah sinonim dengan perkampungan setinggan yang berselerak, dibina rapat, kotor dan menjadi lokasi kegiatan jenayah. Justeru, penempatan semula penduduk di perkampungan air ini adalah untuk memberi keselesaan dan keselamatan kepada penduduk perkampungan air.

Selain itu, perkampungan air juga merupakan tempat tinggal pendatang tanpa izin (PATI). Oleh itu, program ini akan mengasingkan penduduk warga negara dengan PATI untuk memudahkan tindakan keselamatan (lihat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Kedua, 31 Julai 2017).

Fasa pertama penempatan semula penduduk setinggan perkampungan air di Sandakan melibatkan tiga perkampungan air iaitu Kampung Mangkalinau, Kampung Cahaya Baharu dan Kampung Muhibbah, manakala fasa kedua melibatkan penduduk di Kampung Good View dan Forest (BERNAMA, 2017). Dengan itu, penghuni atau penyewa PPR Taman Harmoni adalah khusus kepada warga negara Malaysia yang mendiami perkampungan air setinggan berkenaan. Penempatan semula penduduk di Taman Harmoni ini susulan operasi banciaan oleh ESSCom di lima buah perkampungan terbabit yang dijalankan pada Januari 2014.

Daripada keseluruhan 1,000 unit PPR Taman Harmoni, sehingga Oktober 2018 sebanyak 874 unit (87.4%) telah didiami (data ESSCom dan Majlis Perbandaran Sandakan). Pengurusan PPR Taman Harmoni diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), manakala ESSCom dan MPS bertanggungjawab dalam urusan pemilihan dan penempatan penghuni.

Terletak di atas tanah berkeluasan 20.17 ekar, Taman Harmoni mempunyai 11 blok bangunan kediaman berstrata lima tingkat berkeluasan 723 kaki persegi seunit. Setiap unit dilengkapi dengan tiga bilik, dua bilik air, ruang tamu dan dapur. Kemudahan yang terdapat di PPR Taman Harmoni adalah seperti Dewan Serbaguna, Tadika, Surau, Taman Permainan Kanak-kanak, Rumah Sampah, Pejabat Pengurusan, Pondok Pengawal dan Perhentian Bas.


PPR Taman Harmoni dikelilingi pagar dan terdapat pengawal keselamatan yang ditempatkan di pondok pengawal di pintu masuk kediaman ini. Penghuni juga menerima bekalan air bersih yang disalurkan daripada kemudahan tangki air utama dan menikmati kemudahan bekalan elektrik sepanjang masa.

Model Kajian

Mohit et al. (2010) dalam kajiannya memperlihatkan bahawa kepuasan kediaman terbentuk menerusi perspektif ke atas ciri-ciri objektif persekitaran kediaman yang kemudian mempengaruhi persepsi (subjektif) penghuni, seperti hujah mereka: "*Objective attributes of the residential environment, once they have been evaluated by the individual become subjective giving rise to a certain degree of satisfaction*" (Mohit et al., 2010:20).

Pendekatan tersebut yang dipelopori daripada *systemic model of residential satisfaction* oleh Amerigo dan Aragones (1997) menyatakan perspektif objektif dipengaruhi oleh persekitaran kediaman seperti *dwelling unit features* (fizikal dan ruang rumah), *dwelling unit support services* (perkhidmatan sokongan persekitaran kediaman), *public facilities* (kemudahan awam), *social environment* (persekitaran sosial) dan *neighbourhood facilities* (kemudahan kejiranan). Perspektif objektif ini kemudian membentuk persepsi subjektif penghuni yang dapat diterjemahkan dalam penilaian kepuasan/ketidakpuasan mereka.

Rajah 1: Model Hubungan Ciri-Ciri Objektif dan Persepsi Subjektif Persekitaran Sosial dalam Penentuan Kepuasan Kediaman



Sumber: Adaptasi *Systemic Model of Residential Satisfaction* (Amerigo & Aragones, 1997)

Berpandukan model sistemik kepuasan kediaman Amerigo & Aragonés (1997) dan Mohit et al. (2010), penyelidik dalam konteks kajian ini hanya mengambil komponen berkaitan dengan *social environment* sahaja iaitu ciri objektif yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebersihan kediaman dan persepsi subjektif. Ciri-ciri objektif keselamatan (ancaman nyawa dan harta benda), kawalan wabak penyakit (seperti denggi, taun dan e-coli) dan kebersihan persekitaran (kawalan dan sistem kutipan sampah) ini akan membentuk persepsi subjektif responden yang akan diterjemahkan dalam penilaian kepuasan mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan dislokasi kediaman penghuni yang berasal daripada perkampungan air setinggan yang melibatkan Kampung Muhibbah, Kampung Cahaya Baru dan Kampung Mangkalinau yang kemudiannya dipindahkan untuk mendiami Taman Harmoni, apabila perkampungan air mereka dirobohkan bagi tujuan keselamatan. Kesan dislokasi kediaman penghuni ini dilihat menerusi ciri-ciri objektif yang kemudian diterjemahkan dalam bentuk kepuasan ke atas kehidupan di Taman Harmoni menerusi persepsi subjektif mereka terhadap *social environment* iaitu berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Permasalahan Kajian

Kajian-kajian lalu cenderung melihat kesan dislokasi kediaman – merujuk kepada perpindahan lokasi kediaman secara paksa – telah mendatangkan aspek negatif kepada penghuni, khususnya golongan berpendapatan rendah (Desmond & Shollenburger, 2015; Pineda, 2017). Seringkali dikatakan dislokasi kediaman ini mendatangkan impak negatif kepada kesejahteraan hidup, psikologi dan kesihatan golongan penghuni yang mudah rentan (*Regional Public Health Information Paper*, 2011).

Pada masa yang sama, terdapat pandangan yang menyatakan dislokasi kediaman daripada setinggan ke flat atau bangunan berstrata menimbulkan permasalahan lebih besar kepada penghuni. Kajian tentang subjek ini mendapati dislokasi kediaman ke bangunan bertingkat tinggi berkait rapat dengan impak negatif dari segi sosial dan kesihatan (Trop, 2017).

Namun Newman dan Owen (1982) menghujah dislokasi kediaman turut membawa kesan positif kepada penghuni yang terlibat. Golongan berpendapatan rendah yang dipindahkan ke penempatan baharu seperti perumahan awam dapat menikmati kehidupan lebih selesa dan meningkatkan rasa selamat penghuni berikutan kadar jenayah yang kurang (Ellen & O'Regan, 2011; Dastrup & Ellen, 2016).

Oleh itu, Ghasemi (2016: 33) menyimpulkan: *“This displacement can either result in better or adverse quality of life, having the best outcome or the worst”*. Dalam konteks ini, pemindahan bukan sukarela penduduk perkampungan air setinggan di Sandakan ke perumahan Taman Harmoni berikutan arahan Kerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan mereka. Oleh itu kajian ini telah difokuskan untuk menjawab persoalan sama ada penghuni telah memperoleh persekitaran sosial yang lebih kondusif atau sebaliknya setelah mendiami Taman Harmoni.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temubual ke atas informan yang mewakili agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pemindahan penduduk perkampungan air ke Taman Harmoni seperti ESSCom, MPS, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Sandakan dan Pejabat Kesihatan Sandakan. Data sekunder turut diperolehi daripada agensi-agensi berkenaan. Data-data yang diperolehi menerusi kaedah ini digunakan untuk mengukur ciri-ciri objektif kesan dislokasi kediaman.

Kajian lapangan dilaksanakan oleh pasukan penyelidik dari tempoh Mei hingga Jun 2018. Berdasarkan kaedah “*retrospective post-then-pre self-report evaluation*” (Rockwell & Kohn, 1989), borang soal selidik telah dibangunkan dengan soalan-soalan berskala likert (1 hingga 5) untuk mengukur tahap kepuasan responden.

Borang soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan respons penghuni Taman Harmoni yang dipilih secara rawak bagi menguji persepsi subjektif tahap kepuasan mereka. Soalan-soalan dalam borang soal selidik ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu mengenai tahap kepuasan responden ketika mendiami perkampungan air dan ketika mereka menghuni Taman Harmoni.

Dapatan Kajian

Profil Responden

Seramai 128 responden daripada penghuni Taman Harmoni telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka merupakan bekas penghuni Kampung Air Mangkalinau, Kampung Air Cahaya Baharu dan Kampung Air Muhibbah yang kini tinggal menetap di Taman Harmoni.

Jadual 1: Pecahan Responden Mengikut Jantina, Status dan Taraf (N=128)

Perkara	Kategori	Bil	Paratus
Jantina	Lelaki	53 orang	41.4%
	Wanita	75 orang	58.6%
Status	KIR (Ketua Isi Rumah)	74 orang	57.8%
	Bukan KIR	54 orang	42.2%
Taraf	Warganegara	120 orang	93.8%
	Bukan warganegara	8 orang	6.2%

Sumber: Kajian Lapangan (Mei, 2018)

Sebahagian besar responden termasuk dalam kategori usia dua puluhan dan tiga puluhan iaitu seramai 45 orang (35.1%), diikuti dengan empat puluhan iaitu 36 orang (28.1%). Manakala majoriti responden pula telah berkahwin iaitu seramai 99 orang (77.3%). Kebanyakan responden dalam kajian ini mempunyai isi rumah yang ramai iaitu enam orang ke atas iaitu seramai 81 orang (63%).

Jadual 2: Pecahan Responden Mengikut Usia, Taraf Perkahwinan dan Bilangan Isirumah (N=128)

Perkara	Kategori	Bil	Peratus
Usia	20 - 39 tahun	45 orang	35.1%
	40 - 49 tahun	36 orang	28.1%
	50 - 59 tahun	23 orang	18.0%
	60 tahun ke atas	24 orang	18.8%
Taraf perkahwinan	Berkahwin	99 orang	77.3%
	Ibu Tunggal	15 orang	11.7%
	Duda	5 orang	3.9%
	Bujang	9 orang	7.0%
Bilangan Isirumah	1-2 orang	8 isirumah	6%
	3-5 orang	39 isirumah	31%
	6-8 orang	46 isirumah	36%
	Lebih 8 orang	35 isirumah	27%

Sumber: Kajian Lapangan (Mei, 2018)

Dari segi pendapatan, responden kajian ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dengan 87% mempunyai pendapatan bulanan isirumah RM1,500.00 ke bawah, dan 21% berpendapatan bulanan tidak melebihi RM710.00. Hanya 3% responden yang mempunyai pendapatan isirumah bulanan melebihi RM2,500.00.

Kesan Dislokasi Kediaman ke atas Ciri-ciri Objektif Persekitaran Sosial

1. Penurunan Kadar Jenayah

Kajian ini mendapati dislokasi kediaman dari perkampungan air setinggan ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada responden dari segi keselamatan iaitu menerusi penurunan drastik kadar jenayah kekerasan dan jenayah harta benda yang berlaku di sekitar penempatan mereka.

Jadual 3: Perbandingan Kes Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda di Perkampungan Air dan Taman Harmoni

Lokasi	2014	2015	2016	2017	2018
Jenayah Kekerasan					
Perkampungan air	3 kes	2 kes	3 kes	3 kes	3 kes
PPR Taman Harmoni			Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes
Jenayah Harta Benda					
Perkampungan air	93 kes	83 kes	107 kes	107 kes	110 kes
PPR Taman Harmoni			5 kes	4 kes	3 kes

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Sandakan, 2018

Data menunjukkan terdapat lima kes jenayah kekerasan yang direkodkan pada tahun 2014 dan 2015 di perkampungan air setinggan tempat asal responden, berbanding tiada kes jenayah kekerasan direkodkan di Taman Harmoni pada tahun 2016, 2017 dan 2018 (setakat 31 Oktober 2018). Bagi tempoh yang sama juga (2016 hingga 2018), PDRM Sandakan mencatatkan sembilan kes jenayah kekerasan dilaporkan di perkampungan air lain di sekitar Sandakan.

Tahun 2014 dan 2015 turut mencatatkan sebanyak 176 kes jenayah harta benda yang direkodkan berlaku di perkampungan air setinggan. Namun begitu, pada tahun 2016, 2017 dan 2018 (setakat 31 Oktober 2018), hanya 12 kes jenayah harta benda dilaporkan di Taman Harmoni. Bagi tempoh yang sama juga (2016 hingga 2018), PDRM Sandakan mencatatkan 324 kes jenayah harta benda dilaporkan di perkampungan air lain di sekitar Sandakan.

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dislokasi kediaman dari kampung air ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada ciri objektif keselamatan responden iaitu kadar jenayah kekerasan dapat diatasi sebanyak 100% dan kadar jenayah harta benda menurun begitu ketara sebanyak 97.6%. Dengan itu, pemindahan responden dari perkampungan air ke Taman Harmoni memberi faedah dari segi keselamatan mereka.


2. Pengurangan Kes Penyakit Denggi, Taun dan E.Coli

Kawasan penempatan kampung air menghadapi keadaan yang sangat kotor kerana dipenuhi sampah sarap yang dibuang oleh penghuni. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana ia merupakan cara mudah bagi menghapuskan sampah sarap kerana di sini tiada kemudahan membuang sampah. Keadaan ini sudah tentu memberi kesan kepada persekitaran selain mendedahkan penduduk kepada bahaya penyakit.

Rekod Pejabat Kesihatan Daerah Sandakan menunjukkan terdapat 25 kes denggi, taun dan e.coli yang dicatatkan pada tahun 2016, diikuti dengan 13 kes pada tahun 2017 dan 4 kes pada tahun 2018 di perkampungan air setinggan. Berbanding hanya satu kes denggi direkodkan di Taman Harmoni pada tahun 2016, tiada kes denggi, taun dan e.coli dicatatkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Sandakan untuk tempoh dua tahun berikutnya di kediaman Taman Harmoni.

Kajian ini mendapati dislokasi kediaman dari perkampungan air setingan ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada responden terlibat dari segi kesihatan iaitu menerusi penurunan drastik sebanyak 97.6% kes penyakit denggi, taun dan e.coli di sekitar kediaman mereka.

Jadual 4: Perbandingan Bilangan Kes Denggi, Taun dan E.Coli di Perkampungan Air dan Taman Harmoni



Sumber: Pejabat Kesihatan Daerah Sandakan, 2018

Berdasarkan Jadual 4 di atas, ternyata dislokasi penempatan dari kampung air ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada ciri objektif kesihatan dengan penurunan ketara sebanyak 97.6% kadar penyakit berjangkit. Dengan itu, pemindahan responden dari perkampungan air ke Taman Harmoni memberi manfaat kepada kesihatan mereka.

3. Peningkatan Tahap Kebersihan

Taman Harmoni menyediakan tempat pembuangan sampah dan pengurusan kutipan sampah yang teratur kepada penghuni. Dengan itu, penghuni dapat menikmati pengurusan kebersihan yang baik apabila Rumah Sampah disediakan untuk mereka membuang sampah di tempat yang sewajarnya. Kutipan sampah pula dilakukan tiga kali dalam seminggu. Menerusi kutipan sampah yang sistematik dan tahap kebersihan yang terjamin, keadaan ini membolehkan penghuni menikmati kualiti persekitaran yang baik. Dengan itu, pemindahan responden dari perkampungan air ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada kebersihan persekitaran mereka.

Kesan Dislokasi Kediaman ke atas Kepuasan Penghuni Terhadap Persekitaran Sosial

4. Tahap Kepuasan terhadap Keselamatan

Analisis *post-then-pre self-report evaluation* mendapati peratusan responden yang memberi maklum balas "memuaskan" dan "sangat memuaskan" terhadap tahap keselamatan (ancaman penganas) setelah mendiami Taman Harmoni telah meningkat iaitu daripada 44.0% kepada 56.0%. Manakala peratusan responden yang memberi maklum balas memuaskan dan sangat memuaskan terhadap tahap keselamatan (pendatang asing tanpa izin/PATI) selepas menghuni Taman Harmoni turut meningkat daripada 35.6% kepada 64.4%. Selanjutnya peratusan responden yang memberi maklum balas memuaskan dan sangat memuaskan terhadap tahap keselamatan (jenayah kekerasan dan harta benda) setelah mendiami Taman Harmoni juga meningkat iaitu daripada 43.2% kepada 56.8%.

Jadual 5: Ujian -t Bagi Melihat Kesan Dislokasi Terhadap Tahap Kepuasan Keselamatan

Keselamatan	Kediaman	Min	SP	t	df	Sig.
Ancaman Penganas	Kampung Air	2.8110	0.764	5.255	126	0.00**
	Taman Harmoni	3.1496	0.618			
	Kampung Air	2.4488	0.870	8.077	126	0.00**

Pendatang Asing Tanpa Izin	Taman Harmoni	3.0236	0.728			
Jenayah kekerasan & harta benda	Kampung Air	2.6257	0.636	7.137	127	0.00**
	Taman Harmoni	3.0574	0.517			

** p < .01

Analisis Ujian -t (*paired-sample*) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sebelum (mendiami Kampung Air) dan selepas (mendiami PPR Taman Harmoni) dari segi tahap kepuasan responden terhadap keselamatan iaitu $t(126)=5.255, p=0.00^{**}$ bagi ancaman pengganas, $t(126)=8.077, p=0.00^{**}$ bagi PATI dan $t(127)=7.137, p=0.00^{**}$ bagi jenayah kekerasan dan harta benda. Penemuan ini menyarankan bahawa dislokasi penempatan daripada Kampung Air ke Taman Harmoni memberi kesan positif yang signifikan kepada tahap kepuasan responden terhadap aspek keselamatan mereka, dengan min tahap kepuasan lebih tinggi sewaktu mendiami penempatan sekarang.

5. Tahap Kepuasan terhadap Kesihatan

Terdapat perbezaan peningkatan peratusan responden sebanyak 19.6% yang memberi maklum balas “memuaskan” dan “sangat memuaskan” terhadap tahap kesihatan (kawalan terhadap penyakit) iaitu 59.8% setelah mendiami Taman Harmoni, berbanding hanya 40.2% ketika mendiami kampung air sebelumnya.

Jadual 6: Ujian -t Bagi Melihat Kesan Dislokasi Terhadap Tahap Kepuasan Kesihatan

Kesihatan	Kediaman	Min	SP	t	df	Sig.
Kawalan Penyakit	Kampung Air	2.3724	0.860	7.690	122	0.00**
	Taman Harmoni	3.0599	0.648			

** p < .01

Analisis Ujian -t (*paired-sample*) dalam jadual di atas menunjukkan terdapat perbezaan tahap kepuasan responden yang signifikan dari segi kawalan penyakit ketika mendiami Kampung Air dan ketika mendiami Taman Harmoni iaitu $t(122)=7.690, p=.00^{**}$. Penemuan ini menunjukkan bahawa dislokasi penempatan responden daripada Kampung Air ke Taman Harmoni memberi perbezaan tahap kepuasan yang ketara dari segi kesihatan, dengan min tahap kepuasan lebih tinggi sewaktu mendiami penempatan baharu.

6. Tahap Kepuasan terhadap Kebersihan Persekitaran

Terdapat peningkatan peratusan responden sebanyak 30.8% yang memberi maklum balas “memuaskan” dan “sangat memuaskan” terhadap tahap kebersihan persekitaran (kawalan pembuangan sampah) iaitu daripada 34.6% ketika mendiami kampung air kepada 65.4% setelah mendiami Taman Harmoni. Pada masa yang sama, peratusan responden yang memberi maklum balas “memuaskan” dan “sangat memuaskan” terhadap tahap kebersihan persekitaran (kawalan pencemaran air) juga meningkat sebanyak 35.4% iaitu daripada 32.3% (mendiami kampung air) kepada 67.7% (mendiami Taman Harmoni).

Jadual 7: Ujian -t Bagi Melihat Kesan Dislokasi Terhadap Tahap Kepuasan Kebersihan Persekitaran

Kebersihan	Kediaman	Min	SP	t	df	Sig.
Kawalan Pembuangan sampah	Kampung Air	2.2266	0.85311	4.955	127	0.00**
	Taman Harmoni	2.7891	0.85714			
Kawalan Pencemaran air	Kampung Air	2.4297	0.89340	9.444	127	0.00**
	Taman Harmoni	3.2813	0.51646			

** p < .01

Analisis Ujian -t (*paired-sample*) dalam jadual di atas menunjukkan perbezaan tahap kepuasan responden terhadap kawalan pembuangan sampah adalah signifikan ketika mendiami Taman Harmoni, berbanding mendiami kampung air iaitu $t(127)=4.955$, $p=.00^{**}$. Selanjutnya, analisis mendapati perbezaan tahap kepuasan responden yang signifikan terhadap kawalan pencemaran air iaitu ketika mendiami kampung air dan ketika mendiami Taman Harmoni iaitu $t(127)=9.444$, $p=.00^{**}$. Penemuan ini menunjukkan bahawa dislokasi penempatan responden daripada kampung air ke Taman Harmoni memberi perbezaan kepuasan yang ketara terhadap kebersihan persekitaran, dengan min tahap kepuasan lebih tinggi sewaktu mendiami penempatan baharu.

Perbincangan Dapatan Kajian

Berpandukan Model Hubungan Ciri-Ciri Objektif dan Persepsi Subjektif Persekitaran Sosial Dalam Penentuan Kepuasan Kediaman, kajian ini mendapati kesan dislokasi dapat dilihat menerusi perbandingan ciri objektif kediaman penghuni sebelum dan semasa, dan menerusi perbandingan persepsi subjektif mereka yang diperlihatkan oleh perbezaan tahap kepuasan.

Perkampungan setinggian atas air yang berkembang subur tidak terkawal telah menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti penyeludupan dadah, senjata api, pendatang asing tanpa izin, jenayah rentas sempadan dan sebagainya yang boleh mengancam kedaulatan negara (Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, 2005). Dengan itu pemindahan penduduk daripada kampung air ke penempatan baharu yang terkawal merupakan inisiatif Kerajaan untuk membanteras ancaman keselamatan, kebakaran, kebersihan alam sekitar dan penularan penyakit yang menjejaskan kesejahteraan penghuni (ESSCOM Times, 2013).

Dislokasi kediaman dari kampung air ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada ciri objektif keselamatan iaitu jenayah kekerasan dapat dibanteras keseluruhannya (100%), manakala kadar jenayah harta benda menurun begitu ketara sebanyak 97.6%. Dengan itu, pemindahan responden dari perkampungan air ke Taman Harmoni memberi kesan positif kepada tahap keselamatan mereka.

Meskipun data menunjukkan insiden jenayah harta benda masih berlaku di Taman Harmoni, pihak PDRM mengakui bilangan kes tersebut tidak serius (*The Borneo Post*, 8 Januari 2019). Ke arah menjadikan Taman Harmoni mencapai tahap *zero crime rate*, Ibupejabat Polis Sandakan telah meletakkan Taman Harmoni di bawah program "taman perumahan angkat" iaitu kolaborasi antara penduduk dan PDRM dalam penyaluran maklumat keselamatan dan pelaksanaan rondaan secara berkala.

Analisis Ujian -t (*paired-sample*) mendapati dislokasi kediaman memberi kesan positif yang signifikan kepada tahap kepuasan responden ke atas keselamatan. Dapatan menunjukkan tahap kepuasan keselamatan telah meningkat apabila mereka mendiami Taman Harmoni, berbanding di perkampungan air yang terdedah kepada ancaman penganas, PATI dan jenayah.

Peningkatan kepuasan penghuni Taman Harmoni berbanding kediaman mereka sebelumnya adalah kerana mereka kini dapat menikmati kemudahan pengurusan keselamatan yang lebih baik dan terkawal. Dapatan ini adalah selari dengan penemuan Goetz (2010), iaitu kepuasan perumahan dan *sense of safety* seringkali mempunyai hubungan positif dengan dislokasi kediaman yang berkaitan dengan perumahan awam. Menerusi dislokasi kediaman tersebut, penghuni dapat mengelakkan diri daripada bahaya kejadian jenayah yang sering berlaku di kejiranan asal sebelumnya.

Persekitaran Taman Harmoni yang dilengkapi dengan pagar dan terdapat pengawal keselamatan yang ditempatkan di pondok pengawal di pintu masuk kediaman ini telah meningkatkan *sense of safety* penghuni. Berdasarkan tinjauan agensi berita nasional ke atas penghuni PPR Taman Harmoni, penghuni mengakui kini mereka tidak perlu risau lagi mengenai faktor keselamatan berbanding tempat tinggal dahulu di perkampungan air (BERNAMA, 2018).

Sewaktu mendiami perkampungan air, penghuni tidak memperoleh akses kepada sistem pembuangan sampah yang baik kerana pihak kerajaan tidak menyalurkan sebarang bentuk kemudahan dan pembangunan (Alauddin

Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff, 2004). Petempatan kampung air ini juga menjadi punca kepada berlakunya masalah pencemaran air. Hal ini kerana sampah sarap dan sisa kumbahan penduduk dibuang terus ke laut yang kemudiannya menghadirkan bau yang busuk serta pemandangan kurang menyenangkan.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan tindakan sebahagian penghuni yang membuang sampah ke dalam air secara sewenang-wenang dan ada juga penduduk yang membuang najis terus ke dalam air. Pembuangan sampah sarap dan najis ke dalam laut telah menyebabkan air laut menjadi busuk terutama di kawasan berhampiran pantai (Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, 2005). Masalah ini semakin kritikal lagi dengan pertambahan rumah yang dibina dari masa ke semasa terutama oleh pendatang baharu.

Selain itu, dislokasi kediaman dari kampung air ke Taman Harmoni telah menyaksikan penurunan ketara sebanyak 97.6% kadar penyakit berjangkit. Keberkesanan kawalan penyakit ini adalah selari dengan dapatan pengukuran subjektif apabila min tahap kepuasan kesihatan ketika mendiami Taman Harmoni lebih tinggi berbanding tahap kepuasan kesihatan apabila mendiami petempatan sebelumnya. Perbezaan min yang signifikan ini menunjukkan dislokasi kediaman telah memberi kesan positif kepada kepuasan responden terhadap tahap kesihatan persekitaran mereka.

Mendiami perumahan tersebut membolehkan penghuni menikmati pengurusan kebersihan yang teratur apabila Rumah Sampah disediakan untuk mereka membuang sampah di tempat yang sewajarnya. Ciri objektif kebersihan persekitaran dapat dilihat menerusi kekerapan kutipan sampah yang dilakukan tiga kali seminggu di Taman Harmoni, berbanding ketiadaan tempat pembuangan sampah dan sistem kutipan sampah di kampung air sebelumnya.

Keberkesanan sistem pengurusan kebersihan ini disokong menerusi dapatan pengukuran subjektif apabila analisis Ujian -t (*paired-sample*) menunjukkan perbezaan min kepuasan terhadap kawalan pembuangan sampah dan kawalan pencemaran air di Taman Harmoni lebih tinggi berbanding tahap kepuasan responden apabila mendiami kampung air. Perbezaan min kepuasan yang signifikan ini menunjukkan dislokasi penempatan responden telah memberi kesan positif kepada kepuasan ke atas kebersihan persekitaran mereka.

Peningkatan kepuasan penghuni Taman Harmoni berbanding kediaman mereka sebelumnya adalah kerana mereka kini dapat menikmati kemudahan pengurusan yang baik dari segi kesihatan dan kebersihan. Meskipun mendiami skim kediaman yang disediakan Kerajaan ini bermakna mereka perlu membayar sewa perumahan berbanding sebelumnya dengan mendiami perkampungan air setinggan, namun mereka dapat menikmati kualiti kehidupan lebih baik dari segi persekitaran sosial seperti tahap keselamatan, kesihatan dan kebersihan kejiranan.

Dapatan ini selari dengan penemuan kajian Ellen & O'Regan (2010) bahawa peningkatan tahap kepuasan golongan berpendapatan rendah ke skim perumahan awam adalah berkorelasi positif dengan peningkatan penyediaan kemudahan sosial di kediaman baharu, meskipun mereka terpaksa membayar kedar sewa yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Dalam kes PPR Taman Harmoni, langkah Kerajaan mengurangkan kadar sewa di kediaman tersebut daripada RM250 sebulan kepada hanya RM170 sebulan mulai tahun 2018, telah disambut baik dan sangat dialu-alukan oleh penghuni (*New Sabah Times*, 2018).

Oleh itu, menepati pandangan Ellen & O'Regan (2010) tersebut, peningkatan perkhidmatan keselamatan, kesihatan dan kebersihan yang dinikmati penghuni Taman Harmoni, meskipun dengan itu mereka perlu membayar sewa bulanan rumah kediaman, telah menyaksikan peningkatan kepuasan penghuni yang signifikan kepada kualiti kehidupan sosial persekitaran.

Rumusan

Dislokasi kediaman yang merujuk kepada perpindahan kediaman secara paksa atau bukan sukarela sering kali dilihat mendatangkan impak negatif kepada kesejahteraan hidup, psikologi dan kesihatan penghuni, khususnya golongan berpendapatan rendah. Namun berdasarkan kajian literatur lalu, dislokasi kediaman sebenarnya boleh membawa

kesan positif atau negatif kepada penduduk terlibat. Kajian ini mendapati dislokasi penduduk daripada perkampungan air ke kediaman PPR Taman Harmoni, telah memberi kesan positif kepada persekitaran sosial mereka. Dapatan ke atas ciri objektif dan persepsi kepuasan ke atas aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan menunjukkan bahawa langkah Kerajaan untuk menempatkan semula penghuni perkampungan air di Sandakan telah meningkatkan kesejahteraan persekitaran sosial mereka.

Nota

¹ Merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perumahan Negara yang juga ketua kajian ini, alauddin@kpkt.gov.my

² Ialah Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Perumahan Negara, farahsasha@kpkt.gov.my

³ Bertugas sebagai Perangkawan di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Perumahan Negara
Kertas kajian ini ditulis berdasarkan dapatan Laporan Penilaian Outcome ke atas Program PPR Taman Harmoni, Sandakan, Sabah oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang telah dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2018.

Rujukan

- Alwitt, L. & Thomas, D. 1997. Retail Stores in Poor Urban Neighborhoods. *The Journal of Consumer Affairs* 31(1): 139–164.
- Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff. 2004. Pembongkaran Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Kajian Kes Kota Kinabalu, Sabah. *JATI* 9: 1-17.
- Atkinson, R. 2004. The Evidence on the Impact of Gentrification: New Lessons for the Urban Renaissance? *European Journal of Housing Policy* 4(1): 107-131.
- BERNAMA. 2017. Program ESSCOM Bantu 600 Keluarga Pindah Di Taman Harmoni Sandakan. <http://sabahnews.com.my/program-esscom-bantu-600-keluarga-pindah-di-taman-harmoni-sandakan/>
- BERNAMA. 2018. Penghuni PPR Taman Harmoni Sandakan Bersyukur Dapat Kediaman Selesa. 3 Mei.
- Carr, J. & Jenny, S. 2001. *Financial Services in Distressed Communities: Framing the Issue, Finding Solutions*. Washington, DC: Fannie Mae Foundation
- Daraudi, M; Jahanshahloo, L. & Syahriyari, K. 2017. Assessment of Economic Components on Residential Satisfaction and Its Impact on Household's Residential Relocation. *International Journal of Social Sciences*, 7(1): 67-77.
- Dastrup, S. & Ellen, I. G. 2016. Linking Residents to Opportunity: Gentrification and Public Housing. *Cityscape*, 18(3): 87-107.
- Davidson, M. 2009. Displacement, Space and Dwelling: Placing Gentrification Debate. *Ethics, Place & Environment*, 12: 219-234.
- Desmond, M. & Shollenberger, T. 2015. Forced Displacement From Rental Housing: Prevalence and Neighborhood Consequences. *Demography*, 52:1751-1772.
- Duncan, G.J.; Brooks-Gunn, J. & Klebanov, P. 1994. Economic Deprivation and Early Childhood Development. *Child Dev*, 65:296-318
- Ellen, I. G. & O'Regan, K. How Low-Income Neighborhoods Change: Entry, Exit, and Enhancement. *Regional Science and Urban Economics*, 41: 89-97
- ESSCOM Times. 2013. KP ESSCOM: Keputusan Pindah Penduduk Kampung Air di ESSZONE Ditentukan Kerajaan. <https://esscom.gov.my/?p=73>
- Freeman, L. 2005. Displacement or Succession? Residential Mobility in Gentrifying Neighborhoods. *Urban Affairs Review*, 40(4): 463-491.
- Ghasemi, E. 2016. Effects of Environmental Satisfaction on Family Displacement Case Study: Gohar Dasht Region, Karaj City. *Journal of Social Economics Research*, 3(3): 31-40.
- Goetz, E. G. 2010. Displacement and Relocation Resulting from the Demolition of Public Housing in the U.S.: Resident Experiences. Paper Presented At The Conference 'Neighbourhood Restructuring & Resident Relocation: Context, Choice and Consequence', November 4-5, Delft University of Technology /OTB Research Institute For The Built Environment, Delft, The Netherlands. file:///C:/Users/ASUS/Downloads/Goetz_Delft_paper.pdf

-
- Grier, G., & Grier, E. E. 1978. *Urban Displacement: A Reconnaissance*. Washington, DC: U.S. Department of Housing and Urban Development
- Guzman, C.; Bhatia, R. & Durazo, C. 2005. Anticipated Effects of Residential Displacement on Health: Results from Qualitative Research.
<https://www.pewtrusts.org/~media/assets/2005/hiareporttrinityplazahousingredevelopment.pdf>
- Helling, A. & Sawichi, D. S. 2003. Race and Residential Accessibility to Shopping and Services. *Housing Policy Debate*, 14(1-2): 69-101.
- Matthew, D. & Tracey, S. 2015. Forced Displacement From Rental Housing: Prevalence and Neighborhood Consequences. *Demography*, 52:1751-1772.
- Mohit, M. A.; Ibrahim, M. & Rashid, Y.R. 2010. Assessment of Residential Satisfaction in Newly Designed Public Low-Cost Housing in Kuala Lumpur, Malaysia. *Habitat International*, 34: 18-27.
- Newman, K. & Wyly, E. K. 2006. The Right To Stay Put, Revisited: Gentrification and Resistance to Displacement in New York City. *Urban Studies*, 43(1): 23-57.
- Pineda, M. 2017. The Effects of Gentrification: Inhabitants, Education, and Displacement Honors College Theses. 28. http://scholarworks.umb.edu/honors_theses/28
- Regional Public Health Information Paper - September 2011. Housing Displacement and Health. <http://www.rph.org.nz/content/e3f1f46f-25d8-4e04-b9e1-0ee864865ae8.cmr>
- Rockwell, S.K. & Kohn, H. 1989. Post-Then-Pre Evaluation: Measuring Behavior Change More Accurately. *Journal of Extension* 27(2): <http://www.joe.org/joe/1989summer/a5.html>
- New Sabah Times*. 2018. Penghuni PPR Taman Harmoni Sandakan Bersyukur. 4 Mei. <http://www.newsabahtimes.com.my/nstweb/print/22494>
- Simpson, G. A. & Fowler, M. G. 1997. Geographic Mobility and Children's Emotional/ Behavioral Adjustment and School Functioning. *Pediatrics*, 93(2), 303-309.
- The Borneo Post (Sabah)*. 2019. Sandakan Cops 'Adopt' Taman Harmoni. 8 Januari.
- Trop, T. 2017. Social Impact Assessment of Rebuilding an Urban Neighborhood: A Case Study of a Demolition and Reconstruction Project in Petah Tikva, Israel. *Sustainability*, 9(1076):1-18.
- U.S. Department of Housing and Urban Development. 2018. Displacement of Lower-Income Families in Urban Areas Report. <https://www.huduser.gov/portal/sites/default/files/pdf/DisplacementReport.pdf>
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2005. Penempatan Kampung Air di Kalangan Masyarakat Filipina di Sabah. Kertas Kerja Seminar Serantau Kampung Air, Universiti Brunei Darussalam, 29-31 Januari.
- Zenk, S. N.; Schulz A. J.; Israel, B. A.; James, S.A.; Bao, S. & Wilson, M.L. Neighborhood Racial Composition, Neighborhood Poverty and the Spatial Accessibility of Supermarkets in Metropolitan Detroit. *American Journal of Public Health*, 95 (4): 660-667